

**PPSMI: PAGE serah memo, harap PM dengar suara mereka**  
**The Malaysian Insider**  
**31 Oktober , 2011**  
**Oleh Syed Mu'az Syed Putra**

PUTRAJAYA, 31 Okt — Pertubuhan bukan kerajaan PAGE menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di sini pagi ini agar beliau mendengar suara mereka dalam isu berkaitan dengan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Pengerusi PAGE Datin Noor Azimah Abdul Rahim berkata pihaknya berharap Najib akan mendengar suara mereka berhubung isu tersebut.

"Perdana Menteri berkata beliau mendengar (suara) rakyat. Jadi saya berharap beliau akan mendengar kami," kata Noor Azimah selepas menyerahkan memorandum di pejabat Perdana Menteri.

Memorandum itu kata beliau, diterima oleh pegawai khas Perdana Menteri.

"Dan, dalam kandungannya kita mengatakan bahawa polisi PPSMI adalah cukup elok dan diterima masyarakat," kata beliau.

Kata beliau, beberapa pihak ibu bapa akan mengadakan satu perkelahan di beberapa buah negeri bagi menunjukkan mereka serius dalam perkara tersebut pada 12 November ini.

"Jadi saya minta mereka yang terlibat dalam perkelahan tersebut membuatnya secara aman damai," katanya.

Semalam, Noor Azimah berkata, Barisan Nasional (BN) akan berhadapan dengan risiko kehilangan undi dalam pilihan raya umum ke-13 jika terus menghalang pelajar daripada mempelajari matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris.

PAGE menegaskan pihaknya mahu dasar PPSMI yang berusia 10 tahun di sekolah-sekolah kebangsaan dijadikan opsyen di sekolah rendah dan menengah.

"Jika ia (keputusan mengenai PPSMI adalah bersifat politik, beri kami opsyen PPSMI di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan dan kami akan berikan anda majoriti dua pertiga, yang anda terus menyukarkan kami untuk lakukan.

"Jangan biarkan kami beri undi kepada pembangkang," katanya.

"Kami tidak mahu pentadbiran Najib diperingati atas keputusan memansuhkan PPSMI, kerana tidak mendapatkan semula undi majoriti dua pertiga (di Parlimen) dan menjadikan kanak-kanak kita satu lagi generasi yang ketinggalan," kata beliau dengan tegas.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sistem pendidikan negara ini akan kucar-kacir jika kerajaan membenarkan pemilihan bahasa pengantar sama ada Bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris.

Muhyiddin berkata keputusan kerajaan untuk memperkenalkan dasar Memartabat Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan memansuhkan PPSMI harus dihormati dan diterima baik semua pihak.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran memberi jaminan bahawa kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris tidak akan diketepikan setelah PPSMI dimansuhkan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ppsmi-page-serah-memo-harap-pm-dengar-suara-mereka/>